NOTA KETERANGAN

1. PENGENALAN

Perangkaan dalam penerbitan ini adalah berkaitan dengan perdagangan eksport dan import Malaysia melalui darat, laut dan udara bagi tempoh yang dinyatakan.

2. BIDANG DAN LIPUTAN

Perangkaan perdagangan luar negeri Malaysia disusun mengikut sistem *general.* Di bawah sistem ini, sempadan Negara digunakan sebagai sempadan perangkaan. Semua barang yang dibawa masuk atau keluar dari negara (selain pengecualian tertentu) direkodkan.

3. DEFINISI

(a) **EKSPORT** : Sesuatu barang (keluaran / buatan tempatan atau diimport untuk dieksport semula) dianggap sebagai eksport apabila ia dibawa keluar dari negara.

(b) **IMPORT** : Sesuatu barang dianggap sebagai import apabila ia dibawa masuk ke dalam negara, sama ada terus ataupun disimpan di gudang-gudang yang dikawal tanpa mengira sama ada barang-barang tesebut ialah untuk kegunaan sendiri, diproses, digunakan dalam perkilangan ataupun untuk dieksport semula ke negara lain.

(c) **EKSPORT SEMULA** : Sesuatu barang dianggap sebagai eksport semula apabila ia dibawa keluar dari negara dalam keadaan seperti mana ia diimport tanpa mengalami sebarang perubahan rupa. Proses membungkus semula, menyisih atau menggred tidak dikira sebagai satu proses perubahan rupa.

(d) **IMBANGAN PERDAGANGAN** : Imbangan Perdagangan ialah perbezaan antara nilai eksport dan import. Apabila eksport melebihi import, lebihan direkodkan manakala defisit pula dicatatkan apabila import melebihi eksport.

EXPLANATORY NOTES

1. INTRODUCTION

The Statistics in this publication relate to the export and import trade of Malaysia by land, sea and air for the period stated.

2. SCOPE AND COVERAGE

The general system of recording is adopted in compiling the Malaysian external trade statistics. Under this system, the national boundary of the country is used as the statistical frontier. All goods entering or leaving the country (except specific exclusions) are recorded.

3. DEFINITIONS

(a) ***EXPORTS:*** *Goods (locally produced or manufactured or imported for subsequent re-exports) are regarded as exports when they are taken out of the country.*

(b) ***IMPORTS:*** *Goods are regarded as imports when they are brought into the country either directly or into bonded warehouses, irrespective of whether such goods are for consumption, to be processed or used in manufacturing or subsequent re-exports to other countries.*

(c) ***RE-EXPORTS:*** *Goods are regarded as re-exports when they are taken out of the country in the same form as they were imported without any transformation. Re-packing, sorting or grading processes are not considered as part of the transformation process.*

(d) ***BALANCE OF TRADE:*** *Balance of trade is the difference between the value of exports and imports. When value of exports exceeds value of imports it is recorded as a surplus while a deficit is registered when value of imports exceeds value of exports.*